

DAP akan adakan pemilihan baru CEC
Malaysian Insider
Aug 15 , 2013
Oleh Rita Jong

DAP akhirnya bersetuju untuk mengadakan pemilihan semula Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) bagi mengelak pendaftaran parti terbatal.

Pegerusi DAP, Karpal Singh (gambar), berkata CEC berbincang malam tadi bagi mengadakan semula pemilihan meskipun parti berpendapat arahan Pendaftar Pertubuhan (RoS) tidak berlunaskan undang-undang.

"DAP berusaha mendapat penjelasan RoS bagi arahan berkenaan dan dari sudut mana RoS boleh mengarahkan sedemikian. Malah, Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng berusaha untuk bertemu dengan RoS bagi membincangkan hal berkenaan namun tidak mendapat kerjasama RoS," katanya dalam satu kenyataan media hari ini.

Karpal menjelaskan, dalam keadaan begini, parti tiada pilihan dan ahli CEC 2008-2011 akan bertemu Khamis depan bagi membuat persiapan mengadakan pemilihan.

Aduan kepada RoS bermula apabila beberapa ahli tidak berpuas hati terhadap perjalanan pemilihan parti pada Disember lalu selepas kesilapan dalam pemilihan calon menganggotai CEC.

Berdasarkan aduan, RoS menjalankan siasatan dan mengarahkan satu pemilihan baru diadakan. Namun DAP memberi penjelasan kepada RoS mengaku ada sedikit kesilapan dalam pemilihan parti yang lalu.

Sebuah risalah 'Report Ekuiti (Penipuan pemilihan CEC)' berhubung politik dalaman yang berlaku semasa pemilihan parti ditulis oleh Father Augustus Chen yang tersebar luas di Pulau Pinang.

Penasihat DAP, Lim Kit Siang mendakwa Father Augustus Chen adalah watak rekaan yang diwujudkan Umno bagi menimbulkan ketegangan dalam pembangkang. - 15 Ogos, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/dap-akan-adakan-pemilihan-baru-cec>